

DOSA-DOSA AKHIR ZAMAN

MEK WOK MAHMUD
RAUDLOTUL FIRDAUS FATAH YASIN
MOHD PUZHI USOP
AKMAL KHUZAIRY ABD RAHMAN

Kata Pengantar

Sahibus Samahah Datuk Dr. Luqman Haji Abdullah
Mufti Wilayah Persekutuan



SHAS MOSQUE CENTRIS • IIUM

Cetakan Pertama, 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem dapatan semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebagainya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mek Wok Mahmud

DOSA-DOSA AKHIR ZAMAN / MEK WOK MAHMUD, RAUDLOTUL FIRDAUS
FATAH YASIN, MOHD PUZHI USOP, AKMAL KHUZAIRY ABD RAHMAN.
ISBN 978-967-17262-2-8

1. Sin--Islam.

2. Muslims--Conduct of life.

I. Raudlotul Firdaus Fatah Yasin. II. Mohd. Puzhi Usop,
III. Akmal Kuzairy Abd. Rahman. IV. Judul.

297.5

Diterbitkan oleh:

Pejabat Masjid Sultan Haji Ahmad Shah,
CENTRIS,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur,
Malaysia

Ilustrasi oleh:

Nur Arif Bin Jasmin

Dicetak oleh:

KANDUNGAN

Kandungan	v
Halaman Senarai Rajah dan Jadual	vii
Kata Pengantar Mufti Wilayah Persekutuan	ix
Mukadimah Dosa-Dosa Akhir Zaman	xiii
Bab 1: Pengertian Dosa dan Jenis-Jenisnya <i>Prof. Madya Dr. Mek Wok Mahmud</i>	1
Bab 2: Kesan Dosa Pada Spiritual, Mental dan Fizikal <i>Dr. Abdul Latif Abdul Razak</i>	16
Bab 3: Penyucian Dari Dosa-Dosa Lama dan Moden <i>Prof. Madya Dr. Saupi Man</i>	30
Bab 4: Insaflah Wahai Anak! <i>Dr. Nurul Jannah Zainan Nazri</i>	55
Bab 5: Mengenali Dosa Lelaki Akhir Zaman <i>Ustaz Muhammad Muthi'ul Haqq Fatah Yasin</i>	72
Bab 6: Wanita Dambaan Neraka <i>Ustazah Qurrotul Aien Fatah Yasin</i>	90
Bab 7: Dosa Ikhtilat dan Khalwat: Di Luar Talian dan Di Atas Talian <i>Dr. Sofiah Samsudin & Nurul Hidayah Aron</i>	122
Bab 8: Dosa Pelajar Akhir Zaman <i>Ustaz Muhammad Fakrulrazi Abdullah</i>	144
Bab 9: Pendakwah Juga Seorang Pendosa <i>Dr. Mohd Puzhi Usop</i>	167
Bab 10: Pentadbir yang Bebas Dari Dosa <i>Prof. Akmal Khuzairy Abd Rahman</i>	191
Bab 11: Perangkap Dosa Pemimpin Institusi <i>Dr. H. Makrum Kholil. M.Ag & Ahmad Asrof Fitri</i>	210
Bab 12: Dosa <i>Mutaffif</i> yang Perlu Dijauhi <i>Dr. Mohammad Dhiya'ul Hafidh Fatah Yasin</i>	226

Bab 13: Menipu Produk Ada Balasannya <i>Dr. Susminingsih & Dr. Iman Hanafi</i>	243
Bab 14: Dosa-Dosa yang Mencemar Rawatan Islam <i>Dr. Mohd Puzhi Usop & Muhammmad Shauqi bin Shabudin</i>	259
Bab 15: Koleksi Dosa Hati <i>Dr. Raudlotul Firdaus Fatah Yasin & Ustazah Asma' Harun</i>	284
Bab 16: Dunia Siber Membuka Ruang Dosa <i>Dr. Mohd Azrul Azlen bin Abd Hamid</i>	309
Bab 17: Media Sosial Sebagai Medan Penambah Dosa <i>Ustaz Abdullah Bukhari Abdul Rahim</i>	324
Biografi Penulis	337
Indeks	345

BAB 13

MENIPU PRODUK ADA BALASANNYA

Susminingsih
Imam Hanafi

Pendahuluan

Dalam tulisan ini, penulis menganalisis tatalaku perniagaan pada akhir zaman, khususnya tentang kelakuan menipu bahan produk. Islam telah menjelaskan prinsip-prinsip yang boleh menghindar usahawan daripada ancaman dosa dalam produknya. Perniagaan adalah sebahagian daripada pengabdian manusia kepada Allah SWT, bukan sekadar kegiatan yang dikerjakan manusia untuk menyara diri dan keluarganya. Usahawan yang berkelakuan baik mempunyai matlamat yang mulia sehingga tidak perlu bimbang dan cemas daripada ancaman azab Allah SWT. Untuk mewujudkan kelakuan yang baik hingga akhir zaman, usahawan perlu mengetahui dosa-dosa tatalaku perniagaan serta penyebab tingkahlaku tersebut terjadi.

Pengertian Produk

Produk dapat didefinisikan sebagai barang dan perkhidmatan yang dihasilkan atau output daripada suatu proses penghasilan (*al-intâj*). Perkhidmatan atau penghasilan ini memiliki nilai tambah dan manfaat yang dapat dinikmati pengguna untuk memenuhi keperluannya. Suatu produk dikatakan Islamik jika produk itu memiliki nilai tambah kebaikan (*ziyâdat al-khoir*). Secara literalnya, proses penghasilan produk disebut sebagai *ijâdu sil'atin* iaitu mewujudkan atau mengadakan sesuatu. Untuk

mewujudkan produk sesuai dengan kualiti yang ditetapkan perusahaan, pengusaha memerlukan beberapa faktor pengeluaran, seperti tanah, tenaga kerja, modal dan perusahaan. Dalam realitinya, produk yang beredar di pasaran tidak semestinya produk yang baik. Seringkali juga ada sebahagian produk yang menimbulkan kerosakan dan berbahaya (*mafsadat wal madharat*) bagi pengguna dan masyarakat umum.

Dosa Usahawan

Antara dosa usahawan yang sering dilakukan adalah:

1. Mengurangkan kuantiti barang

Kuantiti yang sesuai dengan timbangan menjadi sebab utama kepuasan pengguna. Sayangnya ada pula usahawan yang melakukan penipuan dengan mengurangkan kuantiti dengan tujuan untuk mendapat keuntungan yang berlebihan. Berat kuantiti yang telah dimanipulasi jelas akan mengecewakan pengguna. Allah SWT telah berfirman:

وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ﴿١﴾ الَّذِينَ إِذَا أَكَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ﴿٢﴾ وَإِذَا كَالُوهُمْ
أَوْزَنُوا لَهُمْ يَخْسِرُونَ ﴿٣﴾ أَلَا يَظُنُّ أُولَٰئِكَ أَنَّهُمْ مَبْعُوثُونَ ﴿٤﴾ لِيَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿٥﴾
يَوْمَ يَقُومُ النَّاسُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٦﴾

Maksud: Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang curang. (yaitu) orang-orang yang apabila menerima timbangan daripada orang lain mereka minta dipenuhi. Dan apabila mereka menakar atau menimbang untuk orang lain, mereka mengurangi. Tidaklah orang-orang itu menyangka bahawa sesungguhnya mereka akan dibangkitkan. Pada suatu hari yang besar, (yaitu) hari (ketika) manusia berdiri menghadap Tuhan semesta alam?

(Surah al-Mutaffifin 83:1-6)

Ayat tersebut menjelaskan bahawa perbuatan mengurangkan sukatan timbangan atau meminta sukatan timbangan berlebihan sebenarnya merupakan perbuatan “mencuri”. Perbuatan mengurangkan sukatan timbangan ialah perbuatan secara terang-terangan menentang perintah Allah SWT. Justeru itu, Allah menyuruh manusia untuk menyempurnakan timbangan dengan adil, seperti firman Allah SWT, dalam Surah al-Rahman, ayat 9:

وَأَقِيمُوا الْوَزْنَ بِالْقِسْطِ وَلَا تُخْسِرُوا الْمِيزَانَ ﴿٩﴾

Maksud: Dan tegakkanlah timbangan itu dengan adil dan janganlah kamu mengurangi neraca itu.

(Surah al-Rahman 55:9)

2. Menipu kualiti bahan produk

Menipu kualiti produk ialah perbuatan yang sangat buruk dan berdosa dan perbuatan itu termasuk dalam penipuan terhadap orang ramai. Islam sangat mencela usahawan yang berbuat demikian. Penipuan pada kualiti produk mengakibatkan kemudaratan kepada pengguna. Penipuan pada produk makanan dan minuman akan membahayakan kesihatan pengguna kerana penggunaan bahan kimia boleh mengakibatkan penyakit seperti kanser dan penyakit kronik lain. Usahawan yang menipu pengguna bermakna telah berlaku zalim dan keji. Ini kerana pengguna juga ialah manusia yang mesti dihormati haknya. Perlindungan terhadap hak pengguna perlu diutamakan bagi menjamin kemajuan setiap perniagaan (Zulham, 2013: 17-19).

Allah SWT tidak menyukai perbuatan zalim di antara manusia kerana pembuatan itu akan mendatangkan kerosakan di muka bumi. Allah SWT telah berfirman mengenai perbuatan zalim tersebut:

مِثْلَ دَابِ قَوْمِ نُوحٍ وَعَادٍ وَثَمُودَ وَالَّذِينَ مِنْ بَعْدِهِمْ وَمَا اللَّهُ يُرِيدُ ظُلْمًا لِلْعِبَادِ ﴿٣١﴾

Maksud: (yakni) seperti keadaan kaum Nuh, 'Aad, Tsamud dan orang-orang yang datang sesudah mereka. Dan Allah tidak menghendaki berbuat kezaliman terhadap hamba-hamba-Nya.

(Surah Ghofir 40:31)

3. Menggunakan bahan-bahan produk yang berbahaya kepada alam sekitar/alam semula jadi.

Manusia bergantung kepada alam sekitar. Jika alam sekitar baik, maka baik jugalah hidup manusia. Islam menegaskan larangan untuk berbuat kerosakan dalam firman Allah SWT:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ﴿١١﴾ أَلَا
إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ وَلَكِنْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿١٢﴾

Maksud: Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi", mereka menjawab: "Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan. Ketahuilah! Bahawa sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang sebenar-benarnya membuat bencana dan kerosakan tetapi mereka tidak menyedarinya.

(Surah al-Baqarah 2:11-12)

Asas daripada ayat di atas membimbing manusia untuk berbuat baik kepada alam semesta, baik tanah, air atau udara. Buruknya sikap manusia terhadap alam sekitar menunjukkan jatuhnya nilai kemanusiaan, kerana asal sifat manusia baik namun sering kalah dengan nafsu serakah dan kesombongan hingga alam pun dieksploitasi. Manusia tidak menyedari apabila perbuatan merosakkan alam sekitar akan membinasakan hidup manusia sendiri, tidak kira cepat atau lambat. Sebagai contoh, pembalakan haram mengakibatkan kawasan hutan menjadi botak dan tanah runtuh, pembakaran hutan untuk pembersihan tanah mengakibatkan sesak nafas, banyak ikan mati kerana pencemaran air. Haiwan menjadi tercemar kerana makanan yang dibuat daripada bahan kimia, dan apabila dimakan dagingnya oleh manusia boleh mengakibatkan perubahan hormon dalam tubuh manusia. Allah berfirman:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي
عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Maksud: Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian daripada (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar).

(Surah al-Rum 30:41)

4. Menggunakan bahan produk yang berbahaya untuk kesihatan

Seorang usahawan pada hakikatnya wajib belajar tentang ilmu perniagaan dan pembuatan sesuatu produk. Para usahawan wajib mengetahui selok-belok penipuan dalam perniagaan agar terselamat daripada kerugian.

Mereka juga perlu mengetahui hal-hal penipuan dalam proses pembuatan produk sama ada produk itu selamat untuk pengguna atau sebaliknya. Allah SWT telah berfirman:

يَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوْا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Maksud: Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik daripada apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang nyata bagimu. (Surah al-Baqarah 2:168)

Surah al-Baqarah ayat 168 tersebut menceritakan bahawa mencari bahan yang halal dan baik adalah wajib bagi pengguna mengenai sesuatu produk. Usahawan yang menjaga kepuasan pengguna pasti mengetahui kewajipan menjaga kualiti produknya. Seorang pengusaha tidak perlu khawatir jika perniagaannya mengikut garis panduan dan SOP (Standard Operation Prosedur) yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Pelanggaran terhadap SOP perniagaan akan mengganggu proses penghasilan produk yang berkualiti serta menepati kriteria yang dikehendaki. Seterusnya ia akan menjejaskan tenaga kreatif yang diperlukan untuk membangunkan perusahaannya. Seorang ahli perniagaan yang mengabaikan kesihatan pengguna sebenarnya memiliki etika perniagaan yang lemah.

Penyebab Usahawan Menipu Produk

1. Sikap Ingin Cepat Kaya

Dorongan nafsu untuk memperkaya diri sendiri, mengumpulkan wang dan harta sebanyak-banyaknya kerap menjadikan seorang usahawan berprinsip individualistik. Aktiviti perniagaan seperti mengendalikan alat pengeluaran, pengedaran dan pertukaran barang harga hanyalah tujuan untuk menguasai keuntungan semata-mata. Prinsip kapitalis mengeksploitasi orang lain dan menyebabkan ketidakseimbangan pengedaran kekayaan. Dorongan memperkaya diri sendiri jelas tidak sesuai dengan prinsip Islam. Allah berfirman:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا
فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

Maksud: Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui.

(Surah al-Baqarah 2:188)

Usahawan yang mencari harta dengan cara batil bererti telah mengambil hak orang lain tanpa pengetahuan orang tersebut. Usahawan yang melakukan penipuan dalam perniagaan seperti menipu sukatan timbangan, mengganti bahan yang tidak mematuhi piawaian produk, mencampurkan bahan kimia bukan makanan, atau mengurangkan upah pekerja demi mengambil keuntungan ialah contoh tindakan usahawan yang hanya mementingkan kekayaan diri sendiri.

1. Dorongan mengejar kenikmatan duniawi

Usahawan yang mengejar kenikmatan duniawi menandakan mereka lebih mengutamakan urusan dunia daripada urusan akhirat, walhal dunia adalah sementara sedangkan akhirat adalah kekal selamanya. Perilaku usahawan yang demikian bererti telah menentang perintah Allah SWT seperti yang telah disebutkan dalam al-Quran:

وَأَضْرَبَ لَهُمْ مَثَلًا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ
الْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا تَذْرُوهُ الرِّيحُ وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُّقْتَدِرًا ﴿٤٥﴾ الْمَالُ
وَالْبُنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ خَيْرٌ عِندَ رَبِّكَ ثَوَابًا
وَخَيْرٌ أَمَلًا ﴿٤٦﴾

Maksud: Dan berilah perumpamaan kepada mereka (manusia), kehidupan dunia sebagai air hujan yang kami turunkan dari langit, Maka menjadi subur kerananya tumbuh-tumbuhan di muka bumi, Kemudian tumbuh-tumbuhan itu menjadi kering yang diterbangkan oleh angin. dan adalah Allah, Maha Kuasa atas segala sesuatu. Harta dan anak-anak adalah

perhiasan kehidupan dunia tetapi amalan-amalan yang kekal lagi soleh adalah lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu serta lebih baik untuk menjadi harapan.

(Surah al-Kahfi 18:45-46)

Dosa akhir zaman yang dilakukan usahawan para pengejar dunia membuat usahawan tidak menyedari bahawa dirinya telah kehilangan kesempatan mencari bekal untuk kebahagiaan di akhirat. Begitu pentingnya makna keuntungan material bagi usahawan pecinta dunia. Siang malam bekerja untuk mendapatkan kekayaan yang banyak, tetapi mereka juga harus selalu berjaga siang malam untuk keselamatan kekayaannya, sehingga tidur pun tidak pernah nyenyak dan tidak mendapatkan kebahagiaan walaupun mempunyai harta yang banyak (Musa Asy'arie, 2016).

2. Sikap Malas Berusaha

Usahawan yang malas untuk bekerja tetapi ingin mendapatkan keuntungan dengan cepat akan melakukan pelbagai cara. Sikap malas ini menyebabkan usahawan melakukan dosa perniagaan, seperti memalsukan jenama produk. Sikap malas berusaha akan menyebabkan perniagaan menjadi semakin mundur. Pokoknya sebahagian manusia tidak suka kerja yang dianggap menyusahkan dan membebankan, malah manusia lebih menyukai perkara yang ringan dan menyenangkan.

Asas Tingkah Laku Usahawan yang Beriman

1. Mengutamakan kebenaran produk

Setiap ahli perniagaan yang beriman akan sentiasa memberikan nilai tambah dan manfaat kepada perniagaannya. Nilai tambah juga bermakna intelektual kerana nilai tambah itu sendiri lahir daripada kecerdasannya dalam merancang suatu produk dengan melahirkan produk-produk yang memberi manfaat besar kepada pelanggannya. Kebenaran produk melalui inovasi berpengaruh secara lebih meluas dan jangka waktu yang lebih panjang (T. Hani Handoko, Nurul Indarti, Rangga Almahendra, 2012). Nilai tambah tidak datang dengan sendirinya, tetapi nilai tambah bergantung pada kreativiti dalam penghasilan produk yang unggul, bermanfaat, tidak memudaratkan pengguna dan tiada kesan sampingan.

Rasulullah SAW dalam suatu hadisnya berkata bahawa nilai tambah (berkat) itu terdapat pada usahawan yang jujur dan benar:

الْبَيْعَانِ بِالْخِيَارِ مَا لَمْ يَتَفَرَّقَا فَإِنْ صَدَقَا وَبَيَّنَّا بُورِكَ لَهُمَا فِي بَيْعِهِمَا وَإِنْ
كَذَبَا وَكْتَمَا مُحِقَّتْ بَرَكَةُ بَيْعِهِمَا.

Maksud: Penjual dan pembeli masing-masing memiliki hak pilih (khiyar) selama kedua-duanya belum berpisah. Bila kedua-duanya berlaku jujur dan saling terus terang, maka kedua-duanya akan memperoleh keberkatan dalam transaksi tersebut. Sebaliknya bila kedua-duanya berdusta dan saling berahsia, nescaya akan hilanglah keberkatan pada transaksi mereka berdua. (Riwayat al-Bukhari No. 2079 dan Muslim No. 1532, sahih)

Bercakap jujur dan benar merupakan sifat yang patut ada sebagai seorang usahawan. Ini bererti Rasulullah SAW sudah memerintahkan untuk membuat sesuatu barang itu dengan cara yang baik dan benar. Bahan itu mestilah bermanfaat dan tidak mengandungi hal-hal yang meragukan dari segi proses pembuatannya dan juga tidak mengandungi perbuatan yang melanggar nilai-nilai kemanusiaan dan syariat islam.

Kemuliaan nilai kemanusiaan mendapat perhatian besar dan utama dalam keseluruhan aktiviti pengeluaran. Aspek penting dalam produksi menurut perspektif ekonomi Islam ialah perhatiannya terhadap kemuliaan nilai kemanusiaan, iaitu mengangkat kualiti dan darjat hidup serta kualiti kemanusiaan daripada manusia. Peranan pengeluaran tersebut mempunyai implikasi pada cara memandang kehidupan manusia, khususnya tenaga kerja dan modal (Pusat Pengkajian dan Pengembangan Ekonomi Islam, 2015).

Persekitaran manusia juga mempengaruhi sifat ahli perniagaan. Dalam persekitaran yang tidak bersifat Islam, secara sedar atau tidak sedar, secara sengaja atau tidak sengaja, perniagaan sukar untuk terlibat dalam kegiatan yang dilarang daripada agama, seperti rasuah, riba atau penyelewengan, pengiklanan yang melanggar batas syarak, mencampurkan bahan halal dengan haram dan sebagainya (Veitzal Rifai, Amiur Nuruddin, Faisar Ananda Arfa, 2012).

3. Menafsirkan perniagaan sebagai kerja rohani

Usahawan yang beriman akan menjadikan perniagaannya sebagai salah satu cara untuk dia mendekatkan dirinya dengan Allah SWT. Setiap usahanya dimulakan dengan *Bismillah*. Pada kala perniagaannya beroleh keuntungan mulut dan hatinya sentiasa mengucapkan *Alhamdulillah*, di samping menginfakkan sebahagiannya kepada yang memerlukan. Ketika

usahawan diuji dengan kemerosotan, dia tidak cepat merungut, melatah atau menyalahkan orang lain. Bibirnya tetap melafazkan *alhamdulillah* di samping meletakkan harapan kepada Allah SWT. Kajian dan siasatan dilakukan dengan hikmah untuk mencari punca kemerosotan. Mereka yakin rezeki adalah di tangan Allah SWT. Para usahawan meyakini bahawa Allah ialah tempat pergantungan untuk manusia dalam kehidupan dan berkuasa dalam memperbaiki hubungan antara manusia. Unsur kerohanian dan keimanan yang padu membentuk peribadi usahawan yang bukan sahaja mencari keuntungan di dunia tetapi matlamat utama mereka tetap mencari kebahagiaan di akhirat.

Usahawan yang berjaya juga sering dikaitkan kejayaannya dengan kecintaannya kepada Allah SWT. Dia sentiasa mengungkapkan kesyukurannya dalam setiap kejayaannya. Untuk menjadi usahawan yang memiliki kecintaan kepada Allah SWT sama ada pada waktu perniagaannya berjaya ataupun muflis, hendaklah seorang usahawan itu menggunakan agama Islam itu sebagai panduan dalam perniagaannya.

Pertama, mestilah niat yang ikhlas semata-mata mencari reda Allah SWT. Nabi Muhammad SAW bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى...

Maksud: *Sesungguhnya segala perbuatan bergantung pada niatnya. Dan sesungguhnya seseorang akan memperoleh pahala sesuai dengan apa yang ia niatkan...*

(Riwayat al-Bukhari, No. 01, dan Muslim No. 1907, sahih)

Bekerja dengan niat mencari reda Allah SWT akan menyedarkan kita bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi segala aktiviti dalam setiap pekerjaan yang dilakukan. Segala pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang pasti akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT, baik sekecil-kecil pekerjaan mahupun yang besar.

Kedua, perlunya kerja keras (*al-jiddu fi al-amal*). Maksud bekerja keras adalah melakukan sesuatu pekerjaan dengan bersungguh-sungguh, melakukan dengan sepenuh hati, dan bersikap jujur untuk memperoleh rezeki yang halal dengan cara tertentu. Membuat manipulasi misalnya, menaikkan harga, mengeksploitasi atau memeras ugut orang lain dengan modal yang tinggi sebenarnya tidak dikatakan kerja keras. Orang yang

bekerja keras dalam erti kata yang sebenar dikategorikan sebagai ibadah (jihad), dan orang itu dianggap sebagai mujahid. Bekerja hendaklah mengikut kecekapan dan kepakaran, seperti disebut dalam hadis Nabi:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتْقِنَهُ.

Maksud: Aisyah r.a. berkata sesungguhnya Rasulullah Solla Allah 'Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah mencintai seseorang yang apabila bekerja mengerjakannya secara professional.

(Riwayat At-Tabrani No. 891 dan al-Baihaqi No. 334)

Ketiga, memiliki cita-cita yang tinggi (*al-himmah al-'aliyah*). Dalam bekerja, ajaran Islam sangat menggalakkan untuk memiliki cita-cita kerja yang besar, seperti ingin menjadi orang atasan (pemimpin, pegawai, pengusaha, dan lain-lain). Islam sentiasa mengingatkan umatnya agar selalu dapat meningkatkan kualiti hidup dan kehidupan mereka, hari ini harus lebih baik daripada hari sebelumnya. Oleh itu, ajaran Islam menggalakkan umatnya agar dalam melaksanakan suatu pekerjaan hendaklah sentiasa dilandasi dengan iman dan takwa, serta niat yang ikhlas hanya kepada Allah SWT (Abdullah Idi, 2015). Para ahli mistik sekaligus pemilik atau CEO sebuah syarikat boleh mengaplikasikan nilai-nilai spiritual di syarikat masing-masing. Permasalahan perniagaan yang bersifat lestari, meskipun dilandasi konsep dan strategi pengurusan moden, masih boleh dirujuk pada dasar keberadaan manusia, yakni nilai-nilai spiritual; menjalankan niat ibadah, membantu, membahagiakan, mensejahterakan dan melakukan kebaikan yang lain (J. Syahban, 2009).

4. Meletakkan kejujuran sebagai dasar perniagaan

Kejujuran ialah kesedaran kepada Allah SWT dalam segala perbuatan seseorang yang melandasi kepercayaannya kepada kekuasaan Allah SWT. Kepercayaan kepada Allah SWT akan membawa usahawan kepada kesedaran harus berkelakuan jujur, kerana usahawan menyedari bahawa segala apa yang dilakukannya berada dalam penglihatan dan pengawasan Allah SWT sehingga perbuatan perniagaan pada hakikatnya ialah perbuatan spiritual.

Abdullah bin Mas'ud meriwayatkan suatu hadis Rasulullah bahawa:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: عَلَيْكُمْ بِالصِّدْقِ فَإِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ.

Maksud: *Abdullah bin Mas'ud r.a. berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: hendaklah kalian bersikap benar kerana kebenaran (kejujuran) membawa kepada kebaikan dan kebaikan membawakan seseorang kepada syurga.*

(Riwayat Ahmad No. 384/1, al-Bukhari No.6094 dan Muslim No. 2607, sahih)

Kejujuran perlu wujud dalam setiap amalan manusia, terutamanya dalam perniagaan yang selalu berkaitan dengan hubungan antara manusia. Dengan dasar kejujuranlah suatu perniagaan akan membawa kebaikan, dan kebaikan dalam perniagaan itulah yang akan membawa kepada kehidupan yang damai aman sentosa, zahir dan batin di dunia sampai di akhirat kelak dengan syurga sebagai balasannya. Bahkan usahawan yang jujur dan amanah akan bersama para syuhada' pada hari kiamat, sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: التَّاجِرُ الْأَمِينُ الصِّدْقُ الْمُسْلِمُ مَعَ النَّبِيِّينَ وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksud: *Abdullah bin Umar r.a. berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: Seorang peniaga muslim yang jujur dan amanah (dapat dipercayai) akan dikumpulkan bersama para nabi, orang-orang sodiq dan orang-orang yang mati syahid pada hari kiamat"*

(Riwayat Ibn Majah no. 2139, Hakim no. 2142, Daruquthni, no. 17, sahih menurut al-Albaniy, *Al-silsilah As-Sahihah*, 3453)

Kejujuran dalam perniagaan ialah kejujuran untuk tidak melakukan manipulasi, penipuan, pemalsuan dan dengan segala cara hanya untuk mendapatkan keuntungan perniagaannya. Usahawan hendaklah mempunyai sikap keterbukaan dalam perniagaan terhadap kualiti barangan dan perkhidmatan yang diperdagangkan kepada orang ramai dan juga kepada pengguna yang menggunakan barangan dan perkhidmatan tersebut. Kejujuran adalah satu sifat yang membina

kepercayaan dan kebersamaan dalam hubungan perniagaan, terutama kepada rakan kongsi dan pihak yang mempunyai minat yang akan menguatkan rangkaian yang lebih luas untuk menyokong setiap pelan perniagaan yang lain (Pusat Pengkajian dan Pengembangan Ekonomi (P3EI), 2015: 68). Pengguna boleh menilai dan membaca data, dan kualitinya tidak disembunyi dan dipalsu semata-mata untuk mengejar keuntungan seperti banyak dilakukan oleh para usahawan yang tidak jujur dan tidak bermoral. Misalnya, soalan tentang bahan yang digunakan juga harus sesuai dengan maklumat yang tertera pada produk yang dihasilkan dengan bahasa atau istilah yang mudah difahami oleh pengguna. Ketidaksamaan maklumat terhadap keyakinan pengguna boleh membawa pergaduhan kerana ia akan menyebabkan pengguna menjadi kurang percaya dalam pembelian dan juga menyebabkan syarikat menjadi muflis. Sebahagian besar kaum Muslimin yang bersikap positif boleh berubah menjadi negatif; daripada berkehendak untuk membeli kepada tidak berkeinginan untuk membeli, daripada percaya menjadi tidak percaya. Untuk menghindari ketidakseimbangan itu, pengeluar produk barangan menjemput persatuan ulama untuk memastikan produk itu tidak mengandungi sebarang bahan yang terlarang (Nugroho J. Setiadi, 2015).

5. Meletakkan keberkatan sebagai matlamat perniagaan yang tertinggi

Keberkatan ialah sangat penting bagi produktiviti seseorang pengusaha. Makna berkat adalah bertambahnya kebaikan (*ziyadatul khair*) daripada segala sesuatu. Kebaikan yang dimaksudkan ialah amal kebajikan yang dapat dimanfaatkan bersinergi dengan dimensi batin. Keberkatan itu menjadi harta yang hilang pada setiap orang yang mencarinya, tetapi tidak seorang pun akan menemui keberkatan waktu, harta yang mereka miliki dan sebagainya (Mohammad Faris, 2016: 40).

Realiti hilangnya keberkatan itu pernah disabdakan oleh Rasulullah SAW dalam suatu hadis:

الْبَيْعَانِ بِالْخِيَارِ مَا لَمْ يَتَفَرَّقَا فَإِنْ صَدَقَا وَبَيْنَا بُورِكَ لَهُمَا فِي بَيْعِهِمَا وَإِنْ كَذَبَا وَكُتِمَا مُحِقَّتْ بَرَكَةُ بَيْعِهِمَا.

Maksud: Penjual dan pembeli masing-masing memiliki hak pilih (*khiyar*) selama kedua-duanya belum berpisah. Bila kedua-duanya berlaku jujur

dan saling terus terang, maka keduanya akan memperoleh keberkatan dalam transaksi tersebut. Sebaliknya bila kedua-duanya berdusta dan saling menutupi, nescaya akan hilanglah keberkatan pada transaksi mereka berdua.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim 2079 dan 1532, sahih)

Jelaslah bahawa perniagaan yang dilakukan secara ketidakjujur akan menjadikan amal perniagaan hilang keberkatannya. Fenemona hilang keberkatan, contohnya ialah hasil perniagaan banyak tapi tidak mencukupi keperluan, keluarga tidak bahagia, saudara tidak berdamai, banyak musibah dan hati tidak menjadi tenang serta malas dalam beribadah. Maka keberkatan itu mesti diletakkan pada tempat yang tertinggi dalam setiap perniagaan kita kerana walaupun tidak nampak keberkatan itu, bantuan Allah akan terus berjalan; bila energi perniagaan negatif maka keberkatan hilang dan bila energi positif yang ditanam maka keberkatan zahir dan batin akan berkembang. Untuk menempatkan keberkatan pada akhirnya, maka niat berniaga hendaklah ikhlas mentaati perintah Allah, proses perniagaan harus sesuai dengan syariat Islam dan hasil perniagaan harus dibelanjakan kepada kebaikan dan tidak lupa untuk menginfakkan sebahagiannya kepada yang berhak.

Kesimpulan

Usahawan pada umumnya menggunakan alasan mencari rezeki sebagai tujuan dalam perniagaannya. Dalam perspektif spiritual, rezeki adalah bahagian daripada keuntungan yang diterima oleh seseorang. Rezeki yang berkat ialah rezeki yang memberikan kebaikan dalam kehidupannya. Manakala rezeki yang tidak berkat merupakan rezeki yang tidak memberikan manfaat dan meningkatkan kebaikan dalam kehidupan seseorang. Usahawan memandang penting kepercayaan daripada pengguna yang menggunakan produk dan perkhidmatannya. Kepercayaan yang tumbuh pada diri usahawan membentuk teladan bagi usahawan yang lain. Hawa nafsu sering mengalahkan akal dan fikiran usahawan dalam mengambil keputusan. Keinginan untuk mengambil keuntungan yang banyak membuat usahawan hilang akal yang sihat hingga sanggup menipu dan tidak adil kepada pengguna dengan membuat produk yang memudaratkan sama ada sebahagian atau secara keseluruhannya. Demikianlah fenomena perniagaan akhir zaman yang jika tidak dibekalkan dengan keimanan dan ketakwaan, akan dicemari dengan penipuan dan kemungkar.

Rujukan

- Asy'arie, Musa, (2016). *Islam: Etika dan Konspirasi Bisnis*. Yogyakarta: LESFI.
- Al-Imam Abi Abdillah Muhammad bin Ismail al-Bukhori, (2002). *Shahih al-Bukhori*. Baerut: Dar Ibn Katsir.
- Al-Imam Abu al Husein Muslim bin Hajjaj bin Muslim al-Qusyairi al Naisyabury, (t.t). *Shahih Muslim wa Huwa Musnad al Shahih*. al-Qohorah: Dar al-Tashil Markaz al-Buhuts wa Taqniyatul Ma'lumat.
- Al-Imam al-Hafidz Abi Dawud Sualaiman bin al Asy'athi al-Azdiyyi al-Sijistani, (2009). *Sunan Abi Dawud*. Baerut: Dar al-Risalah al -Alamiyah,
- Al-Hafidz Abi Abdillah Muhammad bin Yazid al-Qazwini, (t.t). *Sunan Ibn Majah*. Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyyah.
- Al-Imam al-Kabir Ali bin Umar al-Daruquthni, (2011). *Sunan al-Daruquthny*. Baerut: Dar Ibn Hazzm.
- Ahmad bin Syuaib bin Ali bin Sinan Abu Abdurrahman al-Nasai, (2015). *Sunan al-Nasai*. Riyadh: Dar al-Hadlarah lil Nasr wal Tauzi'
- Imam al-Hafiz Abu Abdullah Muhammad bin Abdullah bin Muhammad bin Hamdun bin Hakam bin Nu'aim bin al-Bayyi, (1997). *Al-Mustadrak 'ala Shahihain*. Kaherah: Darul Haramain li Ath-thba'ah wa At-Tauzi'.
- Imam Al-Hafiz Al-Mutaqin Abu Bakr Ahmed ibn Al-Hussein ibn Ali ibn Musa Al Khusrujardi Al-Baihaqi, (2010). *al-Sunan al-Kubro*, Muhammad Abdul Qodir 'Atho (ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah,
- Ahmad bin Muhammad bin Hambal bin Hilal bin Asad Al Marwazi Al Baghdadi, (1998). *Musnad al Imam Ahmad Ibn Hanbal*. Baerut: Muassasah al-Risalah Lithiba'ah wal Nasr wal Tauzi'.
- Abul Qasim Sulaiman bin Ahmad bin Ayyub Asy-Syami Ath-Thabrani, (2007). *Mu'jamul Kabier*. Baerut: DKI.
- Handoko, T. Hani, Indarti, Nurul, dan Almahendra, Rangga, (2012). *Manajemen Dalam Berbagai Perspektif*. Jakarta: Erlangga.
- Idi, Abdullah, (2015). *Dinamika Sosiologi Indonesia, Agama dan Pendidikan dalam Perubahan Sosial*. Yogyakarta: LKiS.
- Latif, Syahrul Akmal dan el Fikri, Alfin, (2017). *Super Spiritual Quotient (SSQ), Sosiologi Berpikir Qur'ani dan Revolusi Mental*. Jakarta: Gramedia.
- Mohammad Faris, (2016). *Muslim Produktif, Ketika Keimanan Menyatu dengan Produktivitas*. Jakarta: PT Elex Media Komputindo.

- Pusat Pengkajian dan Pengembangan Ekonomi (P3EI), (2015). *Ekonomi Islam*. Jakarta: RajaGrafindo Persada.
- Rifai, Veitzal, Amiur Nuruddin, Faisar Ananda Arfa, (2012). *Islamic Business and Economic Ethics, Mengacu pada Al-Qur'an dan Mengikuti Jejak Rasulullah SAW dalam Bisnis, Keuangan dan Ekonomi*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Setiadi, Nugroho J, (2015). *Perilaku Konsumen*. Jakarta: Prenadamedia Group.
- Syahban, J, (2009). *Energi Ke Alloh SWT an Untuk Berbisnis*. Yogyakarta: Diva Press.
- Zulham, (2013). *Hukum Perlindungan Konsumen*. Jakarta: Kencana Prenada Media Grup.

DOSA-DOSA AKHIR ZAMAN

Manusia merupakan khalifah Allah di muka bumi ini yang lahir bersama fitrah keimanan namun diuji dengan nafsu syahwat yang menyesatkan. Perjalanan hidup manusia dalam melaksanakan amanah ini akan sentiasa berhadapan dengan badai cobaan yang datang dari segenap penjuru, baik yang didorong oleh bisikan nafsu mahupun dari godaan syaitan yang sentiasa ingin menggelincirkan anak Adam dari jalan yang benar. Hampir setiap individu dalam anggota masyarakat terlibat melakukan dosa dan kesalahan secara sedar ataupun tidak. Khususnya dalam suasana akhir zaman ini, penulis menyedari bahawa antara faktor utama yang mendorong manusia melakukan dosa adalah kerana kejahilan, iaitu mereka tidak sedar apa yang mereka lakukan itu adalah satu dosa. Ada yang melakukan dosa kerana terpedaya dengan hasutan syaitan yang sangat berpengalaman dan berkemahiran untuk menyesatkan manusia. Tidak ketinggalan juga peranan nafsu yang jika tidak dipimpin boleh menunggang akal dan menggugat iman yang rapuh lalu menjeremuskan manusia ke dalam kancah dosa dan maksiat. Buku ini menghidangkan koleksi dosa-dosa yang dilakukan oleh pelbagai individu dalam lapisan masyarakat berdasarkan ayat-ayat al-Quran, hadis-hadis nabi dan panduan para ulama' terdahulu. Para penulis berusaha merungkai faktor, ciri-ciri dan seterusnya menawarkan penyelesaian agar beroleh keampunan Allah SWT. Diharapkan buku ini boleh menjadi penyuluh dan panduan bagi kita di akhir zaman.

ISBN 978-967-17262-2-8



9 789671 726228



03-64215901/6796



mosque@iium.edu.my



Sultan Haji Ahmad Shah Mosque,
IIUM Gombak

